

TALKING POINT**YANG BERBAHAGIA BRIG. JENERAL DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN****NAIB CANSELOR****UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)****SEMPENA MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN MAJLIS
PERWAKILAN PELAJAR (MPP) SESI 2014/2015 PADA 19 DISEMBER 2014 DI
GRAND ALORA HOTEL, ALOR SETAR, KEDAH.**

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia dan Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan
UniMAP

SALUTASI

Yang Berbahagia Timbalan –timbalan Naib Canselor UniMAP

Yang Berusaha Pegawai Utama Universiti

Yang Berbahagia Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Rakan –rakan media

serta kakitangan dan pelajar Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasih sekalian.

Selamat datang ke Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar sesi 2014/2015 Universiti Malaysia Perlis.

KATA ALU-ALUAN

1. Pertama sekali, marilah kita bersama-sama menadah tangan memanjatkan rasa kesyukuran di atas keizinan-Nya pada hari ini, membenarkan kita bersama-sama dalam satu majlis yang bakal melakarkan sejarahnya yang tersendiri dalam catatan kenangan UniMAP iaitu Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar bagi sesi 2014/2015.
2. Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana pemilihan kampus yang diadakan pada 09 Disember, 2014 yang lalu tidak mengalami sebarang masalah dan berjalan dengan baik. Saya dimaklumkan dalam pemilihan tersebut seramai **8,661** daripada **11,800** orang pelajar atau **73.4 %** pelajar keluar memilih. Ini merupakan peratusan tertinggi yang pernah kita capai berbanding dengan pemilihan tahun-tahun sebelumnya. Syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dengan proses pemilihan tersebut.
3. Sehubungan dengan itu saya yakin bahawa pemilihan secara demokrasi melalui kaedah **e-voting** ini merupakan satu contoh terbaik untuk kita mencari barisan kepimpinan pelajar yang berwibawa dalam kalangan pelajar. Kepercayaan pelajar memilih barisan kepimpinan mereka merupakan satu amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaiknya dengan penuh tanggungjawab.

Anak-anak yang saya kasihi sekalian,

OBJEKTIF MENGADAKAN PEMILIHAN

4. Untuk makluman semua, antara objektif proses pemilihan MPP ini ialah;
 - Untuk mendapatkan pemimpin pelajar yang benar-benar berkualiti, mewakili suara ramai pelajar.
 - Memberi pendedahan terhadap kepentingan proses demokrasi, dan

perjalanan sistem demokrasi yang diamalkan di negara Malaysia.

- Memberi gambaran mengenai bagaimana proses memilih pemimpin dalam sesebuah sistem demokrasi.

5. Seperti yang kita sedia maklum, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) adalah sebuah **entiti** penting yang diwujudkan melalui AKTA Universiti Dan Kolej Universiti (1971). Jesteru kewujudannya mesti diiktiraf oleh semua pihak di Universiti ini kerana ianya diyakini dapat memberi sumbangan bermakna kepada pembangunan sesebuah universiti secara holistiknya.

6. Antara peranan/fungsi penting MPP sebagaimana yang digariskan dalam Seksyen 52 (AUKU) 1971 ialah;

- Untuk memupuk semangat hidup berpersatuan dalam kalangan pelajar-pelajar Universiti.
- Tertakluk kepada arahan Naib Canselor, untuk merancang dan menyelia kemudahan kebajikan pelajar di universiti termasuk kemudahan rekreasi, aktiviti kerohanian dan keagamaan, bekalan makanan serta minuman.
- Membuat representasi kepada Naib Canselor mengenai segala perkara yang berhubung dengan, atau berkaitan dengan keadaan tempat tinggal dan kehidupan pelajar-pelajar universiti.
- Untuk diwakili dalam mana-mana badan yang boleh, mengikut kaedah-kaedah yang dibuat oleh lembaga bagi maksud itu, dilantik untuk menjalankan aktiviti-aktiviti kebajikan pelajar di universiti.
- Untuk menjalankan apa-apa aktiviti lain yang ditentukan oleh lembaga dari masa ke semasa.

7. Berdasarkan lima peranan tersebut, nyata bahawa peranan MPP bukanlah kecil.

Justeru komitmen, sikap dan *mindset* barisan MPP sangatlah ditagih untuk berada dalam situasi yang segar disamping kerjasama yang bakal diberikan oleh pihak pengurusan UniMAP bagi merealisasikan peranan tersebut.

Anak-anak yang saya kasihi sekalian,

FOKUS MPP SESI 2014/2015

8.Bagi membolehkan barisan MPP yang baru (Sesi 2014/2015) ini menjalankan peranan sebagaimana yang diharapkan, sukalah saya meletakkan sasaran yang boleh dilaksanakan oleh anak-anak semua, iaitu;

- Sentiasa berusaha untuk memastikan prestasi akademik mahasiswa semakin meningkat dari masa ke semasa.
- Membawa rakan-rakan mahasiswa untuk memahami aspirasi UniMAP dan Kerajaan yang membangunkan Universiti ini.
- Melaksanakan program-program yang berimpak tinggi, dimana munafaatnya dinikmati oleh pelajar dan Universiti.
- Membawa suara dan imej UniMAP ke persada antarabangsa.
- Giatkan semangat kesukarelawanan dalam kalangan pelajar UniMAP.
- Memberi sumbangan idea yang bersifat inovatif kepada pengurusan UniMAP terutamanya dalam kontek pembangunan dan kebajikan pelajar.
- Terlibat aktif secara positif dalam proses membuat keputusan di UniMAP bersama pihak pengurusan dalam kontek kepentingan pelajar.

9. Saranan yang saya nyatakan diatas mempunyai justifikasi yang tersendiri, ini memandangkan bahawa kita akan memasuki fasa pembangunan negara yang dipacu oleh Rancangan Malaysia ke Sebelas (RMK 11) bermula tahun 2015. Antara agenda UniMAP yang dikaitkan dengan halatuju dalam RMK 11, dalam kontek pembangunan mahasiswa ialah;

- ***Graduate employability***

- ***Nurturing entrepreneurship (1 graduate 1 company)***
- ***Quality and holistic graduate***
- ***Innovation ecosystem and value creation***
- ***High order thinking skills***

10. Saya percaya lima (5) halatuju tersebut mempunyai hubungan langsung dengan peranan MPP serta pelajar keseluruhannya. Sehubungan dengan itu saya menyeru semua pihak samada pimpinan pelajar dan pihak pengurusan untuk mempunyai pelbagai pendekatan bersama bagi menjayakan agenda ini.
11. Berasaskan halatuju ini MPP misalnya perlulah lebih bersifat proaktif dan projektif dalam melaksanakan program-program bersama mahasiswa UniMAP. Elakkan melaksanakan **program biasa-biasa** yang kurang memberi impak dan tidak mempunyai halatuju yang jelas.

Anak-anak yang saya kasihi sekalian,

12. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada kepimpinan **MPP sesi 2013/2014** yang diketuai oleh saudara **Azwan Shahmie Bin Zakaria** kerana telah berjaya melaksanakan tanggungjawab dan amanah dengan begitu cemerlang sepanjang tempoh lantikan mereka.
13. Buat kepimpinan **MPP sesi 2014/15** yang bakal diketuai oleh Saudari **Farizah Abdul Rahman**, saya mengucapkan selamat berkhidmat dan semoga barisan kepimpinan baru ini akan lebih menyerlah dan fokus dengan matlamat dan perancangan yang dibuat.
14. Tidak dilupakan juga setinggi-tinggi syabas dan terima kasih yang tidak terhingga juga ingin saya titipkan buat Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni serta semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam melaksanakan proses pemilihan pemimpin pelajar ini. Semoga apa

yang telah dilaksanakan ini akan diberi Rahmat oleh Allah SubhanaWaTaala.

PENUTUP

15. Akhir kalam, Dengan lafaz Bismillah Hirrahman Nirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2014/2015 Universiti Malaysia Perlis.**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima Kasih.